



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisyp: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com

Trinita 2 - 14 Jun 2026

Doa Hari Ini

Tuhan Allah Bapa kami, melalui Penyelamat kami Yesus Kristus, Engkau telah menyakinkan hati manusia akan hidup kekal dan di dalam baptisan telah menjadikan kami satu dengan Dia. Selamatkan kami daripada maut dosa dan bangkitkan kami kepada hidup baru di dalam kasih-Mu, di dalam persekutuan Roh Kudus, dan oleh kasih karunia Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Matius 9:35-10:8

Bacaan Responsif - Kejadian 18:1-15



Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: <https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams>

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN KE-57

Selamat menyambut ulang tahun yang ke-57 kepada seluruh warga Gereja Kristus Likas. Sejak ibadah Ahad pertama pada 22 Jun 1969, para jemaat telah berkumpul di bangunan gereja ini untuk berdoa, memuji Tuhan dan menerima pengajaran iman Kristian. Banyak pembaptisan, penetapan, pernikahan, kebaktian pengebumian, kebaktian kebangunan rohani serta acara muzik telah diadakan di bangunan ini.

Sepanjang sejarahnya, gereja ini telah diberkati dengan ramai pelayan Tuhan yang komited dan berkebolehan. Warisan pelayanan ini diteruskan hingga ke hari ini. Kita bersyukur atas kesetiaan Tuhan yang sentiasa memimpin dan memelihara umat-Nya sepanjang generasi.

- Sambutan istimewa dan selamat datang kepada Bishop Datuk Melter Tais, Datin Angeline dan Marvin yang bersama-sama meraikan ulang tahun gereja kita pada hari ini dalam ketiga-tiga kebaktian. Kami juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat hari lahir kepada Bishop kita!!
- 1:00 ptg - Bishop Melter akan memimpin upacara Dedikasi Kuarters Staf Baharu bagi para paderi dan pastor kita. Semua jemaat dijemput untuk hadir.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bishop atas galakan dan sokongan beliau sepanjang projek ini. Terima kasih kepada semua yang telah menyumbang melalui doa, pemberian dan pelbagai bentuk bantuan, serta kepada para perunding dan kontraktor atas khidmat dan dedikasi mereka. Segala yang telah dicapai ini adalah atas kemurahan dan penyediaan Tuhan. Bagi Tuhan segala kemuliaan.



2. TERUSKAN BERDOA

- Persekutuan Doa Paroki Gereja. Bersyukur atas kesaksian dan waktu doa yang menguatkan, bagi mereka yang telah hadir Ahad lepas. Persekutuan doa seterusnya akan diadakan pada 5 Julai.
- Persekutuan Doa ADOS-W. 15 Jun, 8.00 malam, di Katedral All Saints. Setiap kumpulan bahasa akan berkumpul di lokasi yang berbeza, namun semuanya berada dalam kawasan katedral.



3. HARI BAPA

Sempena sambutan Hari Bapa pada 21 Jun, selain kebaktian-kebaktian yang diadakan, semua jemaat dijemput untuk mengambil bahagian dalam dua aktiviti berikut:

- Pertandingan *Pickleball* – 20 Jun (Sabtu). Setiap pasukan hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya seorang bapa. Sila daftar.
- Hari Ha-Ha – 21 Jun (Ahad). Hari permainan keluarga tahunan kita sempena ulang tahun gereja. Sila daftar dan sertai kemeriahan bersama keluarga gereja kita.

4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:
 - Sab & Ahd, 10:00 pg, ARK; Rab, 8:00 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:
 - Sel, 8:00 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- Bahasa Melayu, pejabat gereja:
 - Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

5. PELAYANAN LAINNYA

- 25 Jun - **Perjamuan Kudus Rumah**. Hubungi pejabat gereja.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan Bunga** hari ini disumbangkan oleh Lucy Ong dan keluarga.

6. SUKARELAWAN DIPERLUKAN

Pemberitahuan awal: kami sedang mencari sukarelawan untuk membantu Khemah Kanak-Kanak ADOS-W yang akan diadakan pada 30 Ogos–2 September di gereja kita. Kami memerlukan tenaga dalam pasukan pengajaran, muzik, memasak, logistik, multimedia, serta keselamatan dan kawalan. Dan yang paling penting, para pendoa syafaat. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ps. Margaret.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jun 15	2 Ptr 1	Mz 2	Jum, Jun 19	1 Yoh 2	Mz 6
	Sel, Jun 16	2 Ptr 2	Mz 3	Sab, Jun 20	1 Yoh 3	Mz 7
	Rab, Jun 17	2 Ptr 3	Mz 4	Ahd, Jun 21	1 Yoh 4	Mz 8
	Kha, Jun 18	1 Yoh 1	Mz 5			

Mazmur 100 – “Bersoraklah dengan Sukacita” - Untuk renungan & perbincangan:

- Sebutkan satu perkara yang anda syukuri pada hari ini. Kesihatan, rezeki, keluarga, iman, sahabat dan sebagainya.
- Mazmur 100:1-2. Mengapakah kita menyembah Tuhan dengan sukacita? Jika kita tidak berasa gembira, bolehkah kita tetap menyembah Tuhan? Selain menyanyi dengan kuat, bagaimana kita boleh “bersorak bagi Tuhan”?
- “... seluruh bumi” (ayat 1). Mengapakah seluruh dunia dipanggil untuk menyembah Tuhan (ayat 3), apakah yang kita pelajari tentang hati dan rancangan Tuhan daripada Kejadian 12:3, Matius 28:19, Kisah Para Rasul 1:8 dan Wahyu 7:9-10, dan mengapakah misi dunia penting untuk kita?
- “Ketahuilah bahawa Tuhanlah Allah” (ayat 3). Apakah dua perkara yang kita pelajari tentang Tuhan daripada ayat ini? Bagaimanakah kita harus memberi respon(ayat 4)? “Penyembahan ialah respon kita kepada siapa Tuhan itu dan apa yang telah Dia lakukan.” Setujukah anda? Mengapa?
- Ayat 5 menyebut tiga sifat Tuhan sebagai sebab kita menyembah-Nya. Apakah sifat-sifat itu, dan mengapakah ia penting terutamanya ketika kita sukar beribadah dengan sukacita?

UNTUK DIDOAKAN

Diosis yang Kita Kasih

- Bersyukur atas para bishop, paderi, pastor serta semua gereja dalam diosis kita. Berdoa untuk Bishop Datuk Melter agar Tuhan mengurniakan kekuatan, hikmat dan kesihatan yang baik untuk memimpin serta melayani seluruh diosis.

Gereja Kristus Likas yang Kita Kasih

- Bersyukur atas kesetiaan Tuhan sepanjang 57 tahun yang lalu. Berdoa agar kita menjadi saksi Kristus yang berkesan di Kota Kinabalu dan juga di sekitarnya. Berdoa untuk para pemimpin serta seluruh jemaat yang beribadah.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita terus bertumbuh dalam kasih dan ketaatan kepada Tuhan, sambil mencari pimpinan-Nya dalam usaha menanam sebuah jemaat atau gereja baharu sebagai penggenapan Misi 113 2.0.
- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.